

ORAGEL PAIN RELIEF

Choline Salicylate / Cetylpyridinium Chloride (9% w/w / 0.05% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Oragel Pain Relief
2. Bagaimana Oragel Pain Relief berfungsi
3. Sebelum menggunakan Oragel Pain Relief
4. Cara menggunakan Oragel Pain Relief
5. Semasa menggunakan Oragel Pain Relief
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Oragel Pain Relief
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Oragel Pain Relief

Oragel Pain Relief digunakan untuk melegakan kesakitan dan bengkak yang disebabkan oleh ulser, luka atau jangkitan di dalam mulut. Ia digunakan untuk penyembuhan ulser mulut, pertumbuhan gigi bayi, kerengsaan gigi palsu, sakit gusi, jangkitan herpes mulut dan ketidakselesaan akibat pendakap gigi pada kanak-kanak.

Bagaimana Oragel Pain Relief berfungsi

Oragel Pain Relief mengandungi bahan-bahan aktif berikut: Choline Salicylate dan Cetylpyridinium Chloride.

Choline Salicylate adalah agen penghilang rasa sakit jenis anti-radang. Ia digunakan untuk mengurangkan bengkak dan melegakan kesakitan dan ketidakselesaan.

Cetylpyridinium Chloride adalah antiseptik yang berfungsi untuk membunuh bakteria dan mikroorganisma lain.

Sebelum menggunakan Oragel Pain Relief

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan gunakan Oragel Pain Relief jika:

- anda mempunyai alahan terhadap salicylate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- anda mengalami ulser perut.
- anda sedang mengambil ubat untuk merawat darah beku atau gout.

- pesakit adalah bayi di bawah umur 4 bulan.

- Sebelum menggunakan Oragel Pain Relief

Mengandung dan menyusukan anak
Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan sebelum menggunakan sebarang ubat. Salicylate dikeluarkan dalam susu ibu dan melintasi plasenta. Oleh itu, ibu menyusukan harus mengelak daripada menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain seperti di bawah:

- Warfarin (pencair darah)
- Antasid (ubat pedih ulu hati)
- kortikosteroid

Cara menggunakan Oragel Pain Relief

- Berapa banyak harus digunakan

Dengan jari bersih atau putik kapas, gosokkan sedikit gel (kira-kira satu sentimeter) pada kawasan yang terjejas.

- Bila perlu digunakan

Dewasa:
Gel boleh disapu setiap 3 jam.

Kanak-kanak:

Gel boleh disapu setiap 3 jam. Jangan melebihi 6 kali dalam 24 jam.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan untuk tempoh masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapu dos yang tertinggal sebak sahaja anda teringat. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir dos berlebihan telah digunakan. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Penggunaan terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan kepeningan,

telinga berdesing, pekak, berpeluh, loya dan muntah, sakit kepala, atau kekeliruan.

Semasa menggunakan Oragel Pain Relief

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Oragel Pain Relief.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil atau berikan aspirin kepada kanak-kanak kecil semasa menggunakan produk ini untuk mengelakkan sebarang risiko paras salicylate yang terlalu tinggi.

Jangan gunakan Oragel Pain Relief untuk merawat keadaan lain melainkan doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda sedemikian.

Jangan mulakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Oragel Pain Relief kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan lebih daripada sekali setiap 3 jam untuk sakit gigi bayi.

Penggunaan yang berlebihan dan berpanjangan harus dielakkan, terutamanya dalam bayi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Oragel Pain Relief boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Jika ia berlaku, kebanyakannya berkemungkinan tidak serius dan bersifat sementara. Walau bagaimanapun, sesetengahnya mungkin serius dan memerlukan rawatan perubatan.

Jika anda rasa gel tersebut menyebabkan bayi mengalami sebarang masalah, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Berhenti menggunakan ubat ini jika anda mengalami sebarang gejala alahan.

ORAGEL PAIN RELIEF

Choline Salicylate / Cetylpyridinium Chloride (9% w/w / 0.05% w/w)

Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Nombor Siri

NPRA(R4/1)280125/00007

Cara penyimpanan dan pelupusan Oragel Pain Relief

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Pastikan penutup tertutup rapat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Gel penyejuk yang jernih dan tidak berwarna dengan perisa yang menyenangkan. Tanpa alkohol dan tanpa gula.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Choline Salicylate,
Cetylpyridinium Chloride.
- Bahan tidak aktif
Poloxamer 407, Sucralose,
Glycerin, Aniseed Oil, Menthol,
Purified Water.

- Nombor MAL

MAL09082895X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

03/02/2025
